

17/02/2003

Sidang khas krisis Iraq penting

Mohd Zin Ali

JOHOR BAHRU: Rancangan untuk mengadakan mesyuarat khas Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), berhubung krisis Iraq sehari selepas sidang kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13 di Kuala Lumpur begitu mendesak ketika ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata perkara berkenaan penting dibincangkan segera kerana keadaan dunia yang tidak menentu sekarang apabila Amerika Syarikat menyatakan hanya akan menunggu beberapa minggu lagi sebelum menyerang Iraq.

Beliau berkata, Qatar tidak sepatutnya menolak cadangan Malaysia kerana ia adalah peluang keemasan berbuat demikian berikutan kehadiran ramai pemimpin negara Islam yang juga menganggotai NAM, dalam masa terdekat.

"Ia bukannya untuk mengambil alih hak Qatar sebagai Pengerusi OIC kerana ia adalah mesyuarat tidak rasmi dan kesempatan ini perlu direbut berikutan kehadiran ramai pemimpin negara Islam pada sidang kemuncak NAM.

"Qatar membantah kerana mereka mahu melakukan mesyuarat khas di Doha. Bagaimanapun, mereka masih belum menetapkan sebarang tarikh untuk berbuat demikian sehingga kini," katanya selepas majlis Perasmian Berkelompok Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno Cawangan-cawangan dalam Bahagian Johor Bahru di Rumah Barkat di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas penolakan Qatar ke atas cadangan Malaysia dan Iran untuk mengadakan mesyuarat khas OIC berhubung krisis Iraq selepas sidang kemuncak NAM di Kuala Lumpur pada 26 Februari ini.

Rancangan itu tercetus apabila Presiden Iran, Mohammad Khatami, menghubungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta supaya mengambil kesempatan berikutan kehadiran ramai pemimpin negara Islam dalam sidang kemuncak NAM untuk mengadakan mesyuarat khas berkenaan.

Dr Mahathir kelmarin berkata, banyak ketua negara OIC yang menganggotai NAM akan berada di Kuala Lumpur sempena sidang itu. Ini adalah peluang untuk berjumpa dan berbincang secara tidak formal bagi melihat pendirian dan mencapai satu pendirian bersama berkaitan konflik itu.

Ditanya mengenai persiapan ke arah mesyuarat khas itu, Syed Hamid berkata, kementeriannya kini sedang mengutus surat untuk menjemput pemimpin negara Islam termasuk pemimpin negara Islam yang tidak menyertai

NAM datang ke Kuala Lumpur pada tarikh berkenaan

"Ia masih peringkat awal kerana kementerian saya baru mendapat arahan Jumaat lalu. Bagaimanapun, kami percaya sambutan yang akan diterima